

PEMURNIAN KREATIVITI DALAM PENDIDIKAN PRASEKOLAH  
SEBAGAI ASAS PEMBINAAN BANGSA MALAYSIA YANG KREATIF:  
SUATU KUPASAN AWAL

Mohd. Azhar b. Abd. Hamid  
[Mazhara68@hotmail.com](mailto:Mazhara68@hotmail.com)

Jabatan Pembangunan Sumber Manusia

Othman b. A. Kassim  
[Othman\\_25@time.net.my](mailto:Othman_25@time.net.my)

*Abstrak*

Kreativiti merupakan mauduk dan agenda penting dalam mana-mana orientasi pendidikan di dunia. Institusi pendidikan merupakan tempat terpenting untuk menyuburkan bakat dan kebolehan kreatif pelajar. Banyak negara di dunia seperti Amerika Syarikat, Jerman, Sweden, Jepun, Singapura, dan Korea Selatan memberi penekanan dalam sistem pendidikan prasekolah hingga peringkat pendidikan tinggi. Justeru, negara-negara yang disebutkan tadi, khususnya Amerika Syarikat berusaha melahirkan sumber manusia kreatif yang mampu mengangkat martabat dan *dignity* bangsa itu. Hal ini diakui oleh pakar-pakar sains pemikiran kreatif seperti Amabile (1992), Swartz (1989), Buzan (2002), de Bono (1971), Leong (1998), dan ramai lagi. Amabile (1992), misalnya menyifatkan institusi pendidikan, khususnya pendidikan prasekolah merupakan tempat paling penting untuk memupuk alam kreativiti di kalangan kanak-kanak. Selanjutnya, Cropley (2001), menegaskan bahawa pendidikan awal kanak-kanak sangat memerlukan persekitaran dan motivasi yang amat signifikan bagi merealisasikan bakat dan kemahiran kreativiti kanak-kanak. Namun begitu, menurut de Bono (1970), tanpa *prime mover* (dibaca sebagai pendidik) yang menggerakkan persekitaran yang kondusif untuk berkreativiti, maka sukar untuk para pelajar untuk berkreasi dengan selesa dan selamat. Sungguhpun begitu, *prime mover* yang dimaksudkan oleh de Bono itu ialah pendidik yang dibekali dengan pengetahuan dan kemahiran kreativiti. Pendidik yang tidak memiliki kemahiran dan pengetahuan kreativiti sukar untuk merealisasikan suasana, ruang, dan pengalaman kreatif dalam pengajaran dan pembelajarannya. Oleh yang demikian, kertas kerja konseptual ini akan mengupas agenda pemurnian kreativiti dalam pendidikan prasekolah serta kesannya terhadap pembinaan bangsa Malaysia yang kreatif. Justeru, kami akan memulakan dengan kupasan terma-terma penting kertas kerja ini seperti pemurnian kreativiti, bangsa Malaysia yang kreatif serta komponen-proses kreativiti kanak-kanak prasekolah. Selain itu, kertas kerja ini akan memberi tumpuan terhadap motivasi bagi mengharmonikan kreativiti dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran pada peringkat prasekolah. Selanjutnya, kertas kerja ini akan menggagaskan persekitaran yang kondusif serta teknik-teknik yang spesifik dalam pemurnian kreativiti dalam aktiviti pendidikan prasekolah. Akhirnya, kertas kerja ini akan melakarkan model pemurnian kreativiti yang sesuai dalam konteks pendidikan prasekolah.

## PENDAHULUAN

*"Creativity is a matter of talent – there is nothing you can do about it except get creative people."* (de Bono, 1996)

Kreativiti amat penting dalam dunia pendidikan kerana ia mampu melahirkan sebuah citra masyarakat kreatif (*creative society*) dan negara kreatif (*creative nation*). Tempat terbaik memupuk semangat kreativiti seperti inkuiri, kreativiti, dan diskoveri pada pelbagai tahap pelajar adalah menerusi pembelajaran dan pengajaran; sama ada dalam pembelajaran formal mahu pun bukan formal. Di Malaysia, potensi untuk melahirkan manusia yang kreatif dan inovatif ini terpancar dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta pengaplikasiannya dalam pedagogi dan kurikulum mata pelajaran (Abd. Rahim, 1999).

Pernyataan-pernyataan di bawah (*klise*) biasa kita dengar dalam mana-mana buku, akhbar, majalah, dan media massa lainnya. Sebahagian kecil daripada klise di bawah membawa maksud yang amat mendalam dalam dunia pendidikan khususnya pendidikan formal. Tanggungjawab pendidik dalam pendidikan adalah membangun dan membina potensi manusia (insan) dalam empat domain utama iaitu jasmani, emosi, rohani, dan intelektual. Ia bukan satu yang mudah dan ia menjadi bertambah sukar dengan pelbagai ragam birokrat dan karenah birokrasi pendidikan yang begitu kompleks. Hal ini, ditambah dengan beban tugas dan sistem yang sering berubah-ubah. Bagaimanapun, sejarah telah membuktikan bahawa tokoh-tokoh besar dalam bidang sains, kejuruteraan, undang-undang, seni, perubatan, dan sebagainya adalah individu-individu yang gagal semasa pendidikan awalnya. Hal ini, bukan kerana sistem, metodoloji, atau kurikulum yang menjadikan mereka gagal. Tetapi persekitaran dan bakat mereka tidak dapat dikesan sejak daripada kecil lagi. Stephen Hawking, Albert Einstein, Galileo Galilei, Louis Pasteur, Nolan Bushnell, Henri Poincare dan ramai lagi di Barat mahu pun di Timur yang gagal semasa persekolahannya sebaliknya berjaya sebagai orang ternama dalam masyarakat semasa alam dewasa (Kenneth *et. al*, 1998). Justeru, literasi kreatif ini amat penting kepada masyarakat agar Malaysia bukan sekadar mampu melahirkan individu-individu seperti yang disebutkan malah memiliki masyarakat dan negara kreatif.

- *Sistem pendidikan lebih memfokuskan 'credentialisme'.*
- *Terlalu banyak latih tubi dan kerja rumah.*
- *Kurang penekanan kepada pembangunan dan kebolehan individu.*
- *Orientasi hanya satu jawapan yang betul.*
- *Suasana bilik darjah yang membosankan.*
- *Guru 'autokratik', serius, dan garang.*
- *Pelajar hanya 'disuap' (spoon feed).*
- *Orientasi kepada memori dan pengetahuan eksplisit.*
- *Kelas terlalu padat dengan pelajar.*
- *Terlalu banyak kegiatan ko-kurikulum.*
- *Kurangnya semangat inkuiri, diskoveri, eksplorasi, dan kreativiti.*

Banyak kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik tentang kreativiti dalam sistem pendidikan seperti Torrance (1960), Dacey dan Ripple (1989), Boden (1985),

Sternberg (1992), dan Mihalyi (1990) mendapati pendidikan memainkan peranan yang minimum dalam memupuk bakat-bakat kreatif. Hal ini, menurut Wayne (2003), *“so much effort has gone towards promoting intelligence”*. Kalaupun ada, ia tidak dijalankan secara menyeluruh. Masalah ini sebenarnya bukan baru dan ia telah berlaku sejak lama dahulu. Pelbagai cara dan pendekatan yang telah, sedang, dan akan dijalankan oleh sistem pendidikan namun setakat ini ia jauh daripada memuaskan. Fenomena ini dapat diperhatikan daripada pemerhatian yang dijalankan oleh Montessori seperti berikut:

*“Lewat 1800 dan awal 1900. Seorang wanita Itali, Maria Montessori telah melakukan sesuatu terhadap pembangunan kanak-kanak dan alam persekolahan. Maria mempunyai latar belakang pendidikan yang hebat. Beliau merupakan wanita pertama Itali yang menerima ijazah dalam bidang perubatan.*

*Beliau amat berminat dan sayang akan kanak-kanak. Oleh itu, beliau telah melihat dan membuat pemerhatian persekitaran dan bagaimana kanak-kanak belajar di sekolah. Menurut beliau, apa segala-galanya di sekolah dibina dan diajar daripada perspektif orang dewasa. Kerusi, meja amat kasar dan keras serta terlalu besar untuk kanak-kanak. Arahan yang diberikan oleh guru-guru amat rigid seakan-akan tingkahlaku dan peraturan askar. Warna-warna amat pudar dan tidak menarik; tiada keaslian, senyap adalah peraturan, menyopal dilarang; membaca, menulis dan aritmetik subjek-subjek yang diajar; dan malang sekali kreativiti hampir telah mati.*

*Maria kemudiannya meletakkan mindanya ke dalam pemikiran kanak-kanak yang berumur lima tahun dan cuba mencipta suatu alam yang lebih kreatif untuk kanak-kanak. Akhirnya, beliau telah mencipta konsep sekolah ‘Montessori’. Kerusi, meja, direkabentuk untuk kanak-kanak, bilik darjah berwarna-warni, bau-bauan dan kepelbagaian rupa bentuk diwujudkan. Selain itu, bilik darjah dilengkapi dengan tumbuh-tumbuhan, akuarium, dan binatang peliharaan. Pergerakan amat digalakkan, sesiapa yang menyopal akan diberi ganjaran. Paling penting kanak-kanak dipupuk untuk menjelajah dan melahirkan perasaan kreatifnya di dalam bilik darjah. Berdasarkan pengamatan dan pemerhatian yang kreatif ini, akhirnya sistem pendidikan dunia berubah.”*

Dipetik daripada: Tony Buzan (2001)

Anekdote di atas menunjukkan kepada kita bahawa alam persekolahan dan pendidikan memberi kesan terhadap perubahan pemikiran dan tingkahlaku kanak-kanak dalam jangka panjang. Walaupun banyak perubahan yang telah dapat kita lihat daripada segi superstruktur, struktur, dan infrastruktur, namun ia masih boleh diperbaiki. Kesedaran terhadap literasi kreatif dalam sistem pendidikan di dunia telah disedari sejak dahulu lagi. Di Malaysia, Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah wajar dengan memberi penekanan terhadap kurikulum pemikiran dan kreativiti pada peringkat rendah, menengah, dan tinggi sejak tahun 1980-an lagi.

Pendidikan adalah alat yang mampu menggerakkan dan menjana daya fikir manusia. Itulah tujuan pendidikan. Pendidikan memberi perhatian kepada fakulti akal, rohani, jasmani, dan emosi seseorang. Manusia yang terdidik adalah manusia yang

berkualiti akalanya, sihat rohani dan jasmani serta seimbang emosinya. Pendidikan rendah, menengah, dan tertiar yang menjangkau lebih kurang 15 hingga 16 tahun seharusnya mampu melahirkan insan yang kritis dan kreatif mindanya. Tidak jumud dan dikongkong pemikirannya, berdaya maju, proaktif serta boleh berdikari. Menurut Torrance (1977) dan Dacey (1989):

*“Until children reach school age, it is generally assumed that they are highly creative, with vivid imaginations, and that they learn by exploring, risking, manipulating, testing, and modifying ideas. Although teachers and administrators sometimes believe that is more economical to learn by authority, research suggests that many things (although not all) can be learned more effectively and economically in creative ways rather than by authority.”*

*“Fear that schools suppress creativity...Most children highly curious and imaginative. After attend school for a while become less participators and more spectators. School the major culprit.”*

Banyak kajian yang telah dijalankan sebelum ini mendapati bahawa sifat-sifat kreatif memang telah sedia ada sejak kanak-kanak lagi. Semasa di rumah, keluarga seharusnya menjadi pendorong dan perangsang untuk kanak-kanak berkreasi. Di tempat kerja, ketua diharapkan dapat mewujudkan suasana kreatif dan menyeronokkan pekerja-pekerjanya. Pelbagai langkah jangka pendek dan panjang boleh diambil bagi memperbaiki persekitaran yang kondusif ini. Ruang dan kesempatan untuk anak-anak dan pekerja untuk melahir dan menterjemahkan idea-idea kreatif mereka perlu diberikan. Malah ganjaran dan galakan wajar disertakan dalam masa yang sama.

## KONSEP ASAS KERTAS KERJA

### i. Kreativiti

Pemikiran kreatif telah lama dibincang dan dibahaskan secara ilmiah. Seringkali terdapat perbezaan tanggapan terhadap pengertian *‘kreatif’* tersebut. Namun, hal ini adalah perkara biasa dalam dunia akademik kerana tokoh-tokoh akademik/penyelidik/sarjana akan mengemukakan satu konsep yang asli berdasarkan pemerhatian, pengalaman, kajian, dan latar disiplin keilmuan yang dimiliki mereka. Menurut kamus Webster’s (1976), pemikiran kreatif ialah, *“the ability to bring something new existence.”* Definisi ini memperlihatkan bahawa kreativiti itu ialah kebolehan mewujudkan sesuatu yang baru sama sekali. Jika direnung dan difikirkan secara mendalam, mampukah manusia yang mempunyai sifat yang lemah mewujudkan sesuatu yang baru sama sekali, iaitu daripada *‘tiada’* kepada *‘ada’*. Definisi ini seolah-olah melambangkan suatu tingkah laku dan pemikiran manusia yang amat hebat, dapat melakukan apa saja yang diinginkan. Malah dalam keadaan kritikal sekalipun, manusia masih mampu untuk membuktikan kemampuannya menyelesaikan sesuatu masalah. Maka, dapatlah disimpulkan bahawa definisi ini terlalu ekstrim untuk menggambarkan kemampuan dan kebolehan manusia berkreativiti.

Ramai sarjana yang berpendapat bahawa tidak mungkin seseorang itu dapat menghasilkan sesuatu yang tidak pernah wujud sebelumnya, kerana ia memperlihatkan kemampuan manusia mencipta 'sesuatu daripada tiada kepada ada'. Sekali imbas, definisi kreatif seperti ini seolah-olah menyanggah kekuasaan dan hak Allah S.W.T. Tidak mungkin seorang manusia yang lemah dan serba kekurangan dapat menghasilkan sesuatu yang baru dan asli. Menurut John (2002):

*"Only God could create, and whatever he created was original. Man could only rearrange what God had created."*

Namun yang pasti menurut de Bono (1970), kreativiti itu memang berlaku tanpa disedari oleh manusia itu sendiri. Lantaran, sehingga kini terdapat ribuan makna/maksud tentang pemikiran kreatif dan kesemuanya dapatlah disimpulkan sebagai berikut (Hassan, 1989) dan (Nik Aziz, 1994):

Terminologi kreatif berasal daripada perkataan latin '*Creare*' yang bermaksud '*membuat*' (*to make*). Manakala dalam bahasa Greek pula '*Krainein*' yang membawa makna '*memenuhi*'. Dalam bahasa Inggeris "*Create*" atau '*Cipta*' dalam bahasa Melayu.

*"To cause to exist, bring into being, originate, to give rise, bring about, produce, to be first to portray and give character to a role or part creation: An original product of human invention or imagination."*

*"A process of becoming sensitive to problems, deficiencies, gaps in knowledge, missing elements, disharmonies and so on; identifying the difficult; searching for solutions, making guesses or formulating hypotheses about the deficiencies; testing and retesting these hypotheses and possibly modifying and retesting them and finally communicating the results."*

(Torrance, 1974)

*"Looking at what everybody else is looking but thinking of what nobody else has thought."*

(Albert Szent-Gyorgi)

*"Something or some process that is original, novel, newly thought of, and in some cases as being useful"*

(Teresa Amabile, 1999)

*"Creativity is the making of new and the rearranging of the old."*

(Mike Vance, 1995)

Bagaimanapun, konsep kreatif dan kreativiti amat luas dan tidak rigid berdasarkan ruang, tempat, dan masa. Malah, konsep kreativiti boleh dilihat dalam pelbagai sudut berdasarkan latar belakang seseorang – ahli agama, peguam, jurutera, doktor, pemandu bas, ahli akademik, ahli politik, dan sebagainya. Malah, menurut Leong (2000), sesetengah sarjana yang agak liberal mentafsirkan "*people who copy concepts and ideas*" sebagai memenuhi ciri-ciri kreatif. Ringkasnya, istilah kreatif

dan kreativiti digunakan untuk menggambarkan produk sosial yang dihasilkan. Umumnya, kreativiti boleh difahami dengan seperti mana pengertian di bawah:

- Melakukan sesuatu dengan cara yang unik.
- Seseorang itu akan keluar daripada pola yang sama (*the pattern of sameness*).
- 'Berfikir di luar kotak' (*thinking outside of the box*).
- Melihat sesuatu daripada persepektif baru.
- Mengabungkan idea yang sedia ada kepada pembentukan idea baru.
- Membuka minda dengan idea-idea baru.
- Mencabar andaian.
- Mencipta sesuatu yang baru.
- Menghubungkan idea yang tidak berkaitan.
- Menerbitkan idea besar kepada idea-idea kecil.
- Berfikir secara fleksibel.
- Penghasilan idea, penyelesaian, konsep, dan produk yang asli (*novel*).
- Membuat sintesis, imaginasi, dan visualisasi.

## ii. Pemurnian Kreativiti

Maka, dalam konteks kertas kerja ini, pemurnian kreativiti adalah suatu usaha secara sedar yang dilakukan oleh pelbagai pihak khususnya para pendidik prasekolah untuk menyebarkan pengetahuan dan aplikasi kreativiti dalam pelbagai aspek pengajaran dan pembelajaran. Hasrat ini, selanjutnya akan menyuburkan budaya kreativiti lalu membina sebuah masyarakat dan negara kreatif.

## iii. Bangsa Malaysia yang Kreatif

Malaysia telah berusia 46 tahun. Dalam sejarah kemerdekaan hampir setengah abad ini, Malaysia begitu pesat membangun dan menjadi salah sebuah negara membangun yang terkehadapan dalam pelbagai bidang – ekonomi, politik, pendidikan, sains dan teknologi, serta teknologi komunikasi maklumat. Setelah 46 tahun merdeka, Malaysia telah mampu menjadi sebuah negara industri yang amat kompetitif dalam dunia global. Kepesatan ekonomi, kestabilan politik, dan keadilan sosial telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang amat dicemburui oleh kawan dan lawan. Strategi dan dasar pembangunan yang digunakan untuk memajukan Malaysia telah menjadi *role model* kepada banyak negara lain di dunia seperti Maritius, Filipina, Indonesia, Algeria, Libya dan tidak terkecuali negara-negara maju seperti Sweden dan Jerman.

Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) misalnya, telah memberi suatu momentum baru dalam pembinaan sebuah bangsa Malaysia berasaskan masyarakat heterogenus yang unik itu. Berdasarkan semangat DKK ini, masyarakat Malaysia telah dikisar secara kreatif untuk membentuk sebuah negara bangsa yang bermaruah, berdaulat, dan memiliki identiti yang unik iaitu "*The Truly Asia*".

Jika kita menyorot sejarah pembangunan Malaysia secara umum, dekad 60-an dan 70-an yang dipimpin oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama Tunku Abdul Rahman, telah mengukuhkan dasar kestabilan dan keharmonian kaum. Bapa Kemerdekaan ini telah berjaya menyatukan masyarakat yang heterogenus ini dalam satu kesatuan negara berbilang kaum yang unik di dunia. Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri kedua telah memperkukuhkan kesatuan dan persatuan ini dengan usaha pembangunan yang mampan. Beliau yang terkenal dengan gelaran Bapa

Pembangunan telah berjaya merealisasikan pembangunan ekonomi, politik, dan sosial yang stabil dan harmoni khususnya menerusi projek Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970. Selain itu, Dasar Buku Hijau yang telah diperkenalkannya telah menjadi sumber inspirasi dan motivasi kepada negara pada waktu itu untuk bergiat secara komersial dalam bidang pertanian. Selanjutnya Tun Hussein Onn, telah memperkukuhkan dasar-dasar yang dibawa oleh kedua-dua orang Perdana Menteri sebelumnya. Pada tahun 1981, Perdana Menteri Malaysia keempat iaitu Dato' seri Dr. Mahathir Mohamad telah dilantik dan sekaligus memacu pembangunan industri, sains, teknologi, dan komunikasi maklumat (IT).

Di bawah kepimpinan beliau, Malaysia telah begitu jauh membangun daripada segi fizikal, emosional, dan patriotisme. Banyak dasar yang dijalankan dikatakan terkehadapan dan melewati jangkauan masa. Tapi, inilah suatu visi dan misi yang amat diperlukan oleh sebuah negara kerdil seperti Malaysia. Kini banyak yang boleh kita banggakan tentang kepimpinannya dalam membawa Malaysia ke sebuah negara yang disegani dan lantang dalam menangani isu-isu global. Umumnya, di bawah kepimpinan beliau, Malaysia cuba dipacu agar menjadi sebuah negara kreatif yang mampu bersaing dengan mana-mana negara di dunia. Buktinya, berdasarkan Laporan Daya Saing Global 2002/03 menunjukkan Malaysia berada di tangga ke-27 berbanding tempat ke-30 pada tahun 2001. Indeks Daya saing Mikroekonomi juga menunjukkan kedudukan Malaysia berubah daripada kedudukan ke-37 untuk menduduki tempat ke-26 dalam tempoh yang sama.

Gagasan menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020, merupakan projek terbesar yang bakal menobatkan Malaysia sebagai negara yang berkelas dunia dalam pelbagai bidang khususnya ekonomi. Cabaran yang diungkapkan menerusi sembilan cabaran itu amat besar beban dan tanggungjawabnya kepada seluruh warganegara Malaysia yang berjumlah sekitar 23.3 juta ini. Hal ini, menurut Perdana Menteri (1991):

*"...amatlah jelas bahawa sumber yang paling utama bagi sesebuah negara adalah bakat, kemahiran, daya cipta, dan daya usaha rakyatnya. Tenaga otak kita adalah sumber yang jauh lebih berharga daripada sumber-sumber alam. Rakyat adalah sumber kita yang utama. Tanpa ragu-ragu lagi, pada tahun 1990-an dan seterusnya, Malaysia mestilah memberikan perhatian yang sepenuhnya terhadap pembangunan sumber yang amat penting ini."*

### **Sumbangan Individu Kreatif di Malaysia Kontemporari**

Bukti nyata Malaysia adalah sebuah negara kreatif adalah ia memiliki sumber daya manusia yang kreatif dan inovatif. Individu-individu ini bukan sahaja telah mengharumkan nama Malaysia pada peringkat lokal malah global. Potensi dan bakat kreatif yang mereka miliki ini bukan sahaja memaparkan *Kemalaysiaan* malah, individu-individu yang berbakat ini telah menjadi *role model* kepada sekalian generasi masa kini. Sumbangan, pemikiran, dan idea yang telah mereka sumbangkan dalam bidang masing-masing tidak dapat dinilai dengan wang ringgit. Individu-individu inilah yang telah memancarkan semangat *Malaysia Boleh* dan *Keranamu Malaysia*. Nama-nama besar ini akan terus harum dalam arkib sejarah Malaysia sampai bila-bila. Antaranya, adalah:

- Tunku Abdul Rahman, Tun Razak, Tun Hussein Onn, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Zulkifli Ahmad, Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat (Politikus).
- P. Ramlee, Sudirman (Seniman).
- Lat (Pelukis).
- Hijjaz Kasturi (Senibina).
- Ananda Krishnan (Usahawan/Korporat).
- Prof. Awang Had Salleh, Prof. Naquib al-Attas, Prof. Ungku Aziz, Prof. Khoo Kay Kim (sarjana).
- Mokhtar Dahari, Shalin Zulkifli, Misbun Sidek (ahli sukan).
- Shahnnon Ahmad, A. Samad Said (sasterawan).
- Ustaz Haron Din (pendakwah).
- Fadillah Kamsah, Shukri Salleh (*motivator*).
- Zulkifli Haron (*inventor*).
- Chef Wan (tukang masak).
- Jimmy Khoo (pereka kasut).
- Lee Lam Thye (sukarelawan).
- Tan Sri Zeti Ahtar Aziz, Jomo KS Sundram (ekonomis).
- Prof. Mazlan Nordin (sains angkasa).
- Bill Keith (pereka fesyen).
- Ismail Hussein, Wan Hashim Wan Teh, Azah Aziz, Aziz Deraman (budayawan).

### **Sumbangan Organisasi Kreatif di Malaysia Kontemporari**

Dalam konteks yang lebih luas, Malaysia bukan sahaja memiliki bakat individu kreatif malah turut memiliki organisasi kreatif yang setaraf dengan organisasi lain di dunia. Sejak dasar penswastaaan dan persyarikatan Malaysia serta diperkukuhkan lagi oleh Pelan Industri Negara, Malaysia telah mampu melahirkan pelbagai bentuk organisasi yang beorientasikan perkhidmatan dan perdagangan. Kemajuan dan pembangunan yang Malaysia kecapai pada hari ini turut melibatkan organisasi kreatif ini. Malah, organisasi ini turut berperanan dalam menawarkan kepakaran dan perkhidmatan di seluruh dunia seperti India, Pakistan, Iran, Afrika Selatan, dan sebagainya. Antara organisasi yang dimaksudkan adalah:

- Telekom Malaysia.
- Tenaga Nasional.
- MAS.
- KHIND.
- PORLA.
- Petronas.
- YTL Corp.
- MRCB.
- RHB.
- Maybank.
- Proton – DRB.
- UTM, USM, UKM, UM, UUM, UMS, UNIMAS, UPM, UIAM.
- ABIM.
- INMIND.



- ISTAC.
- Bernama.
- IKIM.

#### iv. Pendidikan Prasekolah

Istilah prasekolah atau tadika (terdapat nama-nama popular lain seperti taska, taski, pasti dan sebagainya) digunakan dengan meluas di Malaysia bagi merujuk pendidikan awal kanak-kanak. Terdapat dua jenis program, iaitu kepada kanak-kanak yang berumur 4-6 tahun dan di bawah 4 tahun (Norhashimah dan Yahya, 2003). Di Malaysia terdapat 3 badan yang menganjurkan pendidikan prasekolah iaitu;

- i. Agensi kerajaan dan berkanun.
- ii. Organisasi bukan kerajaan (NGO).
- iii. Swasta.

### KANAK-KANAK DAN KREATIVITI

Kanak-kanak sememangnya memiliki sikap, tingkahlaku, dan pemikiran yang kreatif. Mereka sentiasa ingin mengetahui tentang banyak perkara seperti manusia dan alam ini. Oleh itu, kanak-kanak amat memerlukan peluang, ruang, dan masa untuk memenuhi keperluan 'ingin tahunya itu'. Menurut de Bono kanak-kanak sering mengemukakan persoalan tentang *WHY* (kenapa) dan *WHY NOT* (kenapa tidak). Mereka mahukan peluang untuk menyentuh, peluang untuk melihat, peluang bertanya, peluang mencuba dan sebagainya. Kanak-kanak amat seronok menjelajah sesuatu yang aneh dan luar biasa. Justeru, dedahkan mereka dengan pelbagai pengalaman yang bersifat multietnik, multibudaya, dan komuniti. Dedahkan pengalaman di luar budayanya agar ia dapat merasai budaya dan kehidupan budaya lain. Biar mereka mengetahui keunikan pengalaman. Galakkan mereka membuat pilihan sendiri. Berikan masa dan ruang untuk mereka melahirkan tingkahlaku kreatif dan hargai serta beri dorongan terhadap usaha yang dilakukannya. Tony Buzan (2001), dalam bukunya "*The Power of Creative Intelligence*" menyatakan:

*Who are the best learners on the planet? Children!*

*Who are the best question-askers on the planet? Children!*

*Who are the most persistent humans on the planet? Children!*

*Who are interested in everything? Children!*

*Who are the most active? Children!*

*Who are the most sensual? Children!*

*Who are the most pleasure out of the most simple things? Children!*

*Who see things in the most novel ways? Children!*

*Who make the most astonishing and original associations? Children!*

*Who use both sides of their brains/ Children!*

**WHO ARE THE MOST CREATIVE PEOPLE ON THE PLANET?  
CHILDREN!**

Persoalannya di sini, sejauh manakah tanggapan asas tentang kreativiti di kalangan kanak-kanak? Tidak dinafikan bahawa kanak-kanak sememangnya memiliki kebolehan dan bakat yang amat kreatif. Namun, adakah dalam semua keadaan kanak-

kanak ini melakukan menunjukkan kebolehan kreatifnya. Jika kita amati kanak-kanak, mereka gemar melakukan sesuatu perkara itu berulang-ulang, misalnya kanak-kanak akan gemar menonton rancangan yang disukainya berkali-kali. Mereka juga melakukan sesuatu perbuatan secara latih tubi dan sentiasa mengulang-ulang. Hal ini, berlaku kerana lokus pembelajaran kanak-kanak banyak bergantung kepada persekitaran dan *role model*. Menurut Amabile (1989), dalam bukunya *Growing Up Creativity: Nurturing Lifetime of Creativity* menyatakan kebanyakan ahli psikologi berpendapat untuk mengetahui sama ada sesuatu yang dilakukan oleh seseorang kanak-kanak itu kreatif atau pun tidak ia dapat dilihat berdasarkan dua kriteria iaitu:

- i. Sesuatu yang dilakukan oleh kanak-kanak mestilah sesuatu perkara yang belum pernah didengar, dilihat, dan dilakukan sebelum ini. Ia merujuk kepada idea, perbuatan, dan pengalihan yang asli dalam pelbagai cara seperti lisan, perbuatan, tulisan, dan lukisan.
- ii. Ia tidak mestinya berbeza, tetapi sesuatu tindakan dan ideanya mestilah betul dan berguna dalam mencapai matlamat kanak-kanak itu. Dalam masa yang sama ia amat bermakna kepada kanak-kanak tersebut.

### **Kanak-kanak, Dunia Fantasi, dan Pembelajaran**

Dunia kanak-kanak adalah dunia fantasi. Fantasi ialah sesuatu khayalan yang menyeronokkan. Fantasi menyatu dalam imaginasi. Fantasi terbit daripada imaginasi. Kanak-kanak tidak seperti orang dewasa, mereka amat menyukai dan seronok dengan alam fantasi. Hal ini, menurut pakar-pakar psikologi, pemikiran kanak-kanak masih berada pada tahap pembangunan dan hampir 90 peratus mindanya dikuasai oleh minda bawah sedar. Tambahan, menurut Amabile (1999), "*Some elements of creativity are inborn; some depend on learning and experience; and some depend on social environment.*" Justeru, menurut Amabile (1999), kreativiti di kalangan kanak-kanak bergantung kepada tiga faktor iaitu:

- (i) Kemahiran domain.
- (ii) Kemahiran berfikir dan kerja-kerja kreatif.
- (iii) Motivasi intrinsik.

Kanak-kanak amat gemar menonton cerita kartun di televisyen. Aksi dan watak-watak kartun seperti *Tom & Jerry*, *Mickey Mouse & Donald Duck*, *Pink Panther*, *Doraemon*, *Digimon*, *Popeye The Sailor Man*, dan sebagainya berada dalam alam kanak-kanak. Lihat sahaja bagaimana *Walt Disney* menghiburkan kanak-kanak. Pelbagai telatah baik, lucu, jahat, dan menyeramkan diolah menerusi watak kartun. Watak hitam dan putih diadun sesuai dengan psikologi kanak-kanak. Watak-watak hitam seperti *Tom Cat* didenda tanpa melibatkan 'kematian' yang parah dan tragis; malah banyak yang melucukan. Oleh yang demikian, kreativiti kanak-kanak haruslah dipupuk agar apabila ia membesar, kebolehan kreatif yang dimilikinya itu akan menjadikannya seorang yang kreatif dalam bidangnya.

*"Creativity is the freest from of self-expression and for children, the creative process is more important the finished product. There is nothing more fulfilling for children than to be creative can do much to nurture your children's emotional health. All children need to be*

*creative is the freedom to commit themselves to the effort and make whatever activity they are doing their own."*

Sifat alamiah kanak-kanak dilingkungi oleh suasana dan aktiviti kreatif. Sifat inilah yang membesar dalam diri kanak-kanak untuk lahir sebagai manusia yang memiliki keyakinan diri terhadap persekitarannya. Kajian yang dilakukan di Utah, Amerika Syarikat mendapati kanak-kanak sekolah tadika menggunakan 95-98 peratus kreativiti. Pelajar sekolah rendah menggunakan 50-70 peratus kreativiti yang mereka miliki, manakala pelajar sekolah tinggi dan universiti menggunakan 30-50 peratus kreativiti yang mereka miliki (Buzan, 2001).

Sehubungan itu, dalam konteks pembelajaran kanak-kanak prasekolah, guru-guru harus memahami bagaimana kanak-kanak ini belajar. Cara terbaik dan paling disukai oleh kanak-kanak ialah melalui bermain dan gaya pembelajaran yang natural. Umumnya, kanak-kanak belajar menerusi beberapa cara (Norhashimah dan Yahya, 2003) iaitu:

- i. Bermain-main.
- ii. Melakukan aktiviti (lukisan, kolaj, invensyen, anyaman, origami, guntingan, pintalan, masakan, jahitan, dan sebagainya).
- iii. Manipulasi deria.
- iv. Kebahasaan.
- v. Pergerakan.
- vi. Motivasi intrinsik dan ekstrinsik.
- vii. Pujian dan pengukuhan.
- viii. Belajar mengikut 'mood' dan tahap sendiri.
- ix. Peniruan.
- x. Pengulangan.
- xi. Percubaan.
- xii. Pendedahan.
- xiii. Interaksi aktif.

Justeru, menurut Torrance (1977), dan Sternberg kebanyakan kanak-kanak yang berumur empat tahun ke atas memiliki karakteristik kreatif seperti berikut:

- Perasaan ingin tahu yang tinggi (*Curious*).
- Suka memanipulasikan bahasa (*Language explosion*).
- Kebebasan bertindak tanpa rasa takut (*uninhibited*).
- Merdeka (*Independent*).
- Suka bermain-main (*Playful*).
- Gemar sesuatu yang mencabar (*Adventurous*).
- Terlibat secara aktif dalam apa jua aktiviti (*Active participants*).

### **Fasa Perkembangan Kreativiti Kanak-kanak**

Rosenbaltt dan Winner (1988), membahagikan fasa kreativiti kanak-kanak kepada tiga seperti dalam Jadual 1.1.

**Jadual 1.1:** 3 Fasa Kreativiti Kanak-kanak

Fasa	Umur	Kemahiran Kreatif
Pra-konvensional	6 – 8 tahun	Kreativiti spontan
Konvensional	8 – 12 tahun	Kreativiti terarah
Pasca-konvensional	12 - dewasa	Keaslian, kritikal, dan konvensional

Sumber: Cropley (2003)

Urban (1991), membahagikan perkembangan kreativiti kanak-kanak kepada enam tahap seperti Jadual 1.2.

**Jadual 1.2:** 6 Fasa Kreativiti Kanak-kanak

Fasa	Kemahiran Kreatif
Autonomi	
Imitasi/Peniruan	Tingkhilaku berlaku akibat peniruan daripada persekitaran tanpa transformasi
Kesimpulan (pelengkap)	Menghabiskan/melengkapkan sesuatu kerja
Animasi terasing	Interpretasi figura dan cipta imej kompleks – konkrit objek
Menghasilkan tema perkaitan	Tingkhilaku terfokus
Menghasilkan bentuk holistik	Persepsi menyeluruh dan bermatlamat

Sumber: Cropley (2003)

Teresa Amabile (1999), membahagikan enam tahap perkembangan kreativiti kanak-kanak seperti dalam Jadual 1.3-1.5.

**Jadual 1.3:** Kreativiti Kanak-kanak Berumur 2-3 Tahun

Umur	Jenis Kemahiran	Contoh Tingkhilaku Kreatif
2-3 tahun	Menyanyi	Mengulang nyanyian yang pernah didengar, mencipta melodi sendiri dan menggunakan seni kata sendiri
	Melukis	Bermain-main dengan pelbagai warna, bentuk, dan garisan
	Membina	Mencuba dengan pelbagai jenis struktur (kiub dan sebagainya)
	Bermainan alatan	Mencuba bunyi-bunyi permainan atau menggunakan objek/ peralatan dapur seperti sudu dan senduk

Sumber: Amabile (1999)

**Jadual 1.4:** Kreativiti Kanak-kanak Berumur 4-5 Tahun

Umur	Jenis Kemahiran	Contoh Tingkah Laku Kreatif
4-5 tahun	Mewarna	Mengabungkan warna dengan cara baru dengan menggunakan berus dan tangan
	Permainan kata-kata	Bermain dengan bunyi dan makna perkataan, dan selalu bercakap dengan diri sendiri
	Menari	Menggunakan gerakan menari untuk menyerlahkan perasaan dan menunjukkan gerakan fizikal

Sumber: Amabile (1999)

**Jadual 1.5:** Kreativiti Kanak-kanak Berumur 6-7 Tahun

Umur	Jenis Kemahiran	Contoh Tingkah Laku Kreatif
6-7 tahun	Memasak	Bereksperimen dengan memasak makanan dalam bentuk seni di bawah seliaan orang dewasa
	Ukiran	Menggunakan tanah liat, pasir, dan pelbagai material untuk menghasilkan sesuatu bentuk
	Drama	Menjadi pelakon, mengenakan pakaian, berdialog, menyanyi
	Perhubungan sosial	Penyesuaian baru dalam penyelesaian konflik interpersonal

Sumber: Amabile (1999)

Ekspresi kreatif (Jadual 1.1-1.5) akan menjadikan kanak-kanak terdedah dengan persekitaran yang kondusif serta mereka dapat menyesuaikan psikologi dan emosi mereka terhadap keinginan dan kebolehan yang mereka miliki. Ibu bapa, guru, dan persekitaran haruslah memberi galakan dan peluang untuk kanak-kanak berkreativiti dengan cara menyediakan peluang aktiviti yang bersifat kreatif. Menurut Torrance (1977):

*“To fulfill your children’s need for creativity and self-expression, be sure to provide activities that based on their interests. Learn how to listen closely to what your children are saying. Offer your children a range of creative materials and experiences: drawing, painting, photography, music, trips to museums or zoos, and working with clay, paper, wood, water and more. Provide your children time to explore materials and pursue their ideas. Don’t forget to give them time to talk these ideas over with other people. Both adults and children.”*

Menurut Dansky (1980), *“If child uses their imagination in play they are more creative, perform better at school tasks and develop problem solving approach to learning.”* Oleh yang demikian, pelbagai pihak khususnya guru-guru prasekolah haruslah mengambil beberapa langkah agar nilai-nilai kreatif yang dimiliki oleh kanak-kanak tidak pudar. Antaranya:

- i. Hargai soalan-soalan yang bilazim daripada murid-murid.
- ii. Dengar, beri peluang, dan berkomunikasi secara terbuka dengan murid-murid.
- iii. Pihak guru cuba kurangkan rasa tekanan dan ketakutan dalam jiwa kanak-kanak.
- iv. Nyahkan batasan masa dalam sebarang kegiatan yang melibatkan aktiviti kanak-kanak.
- v. Subur dan galakkan atmosfera yang terbuka serta galakkan ekspresi diri (*self-expression*) yang bersifat kreatif di dalam kelas.
- vi. Pertandingan, persaingan, dan ganjaran cuba dikurangkan.
- vii. Hargailah kreativiti, imaginasi, dan fantasi kanak-kanak.
- viii. Sediakan peluang untuk murid-murid menunjukkan ekspresi kreatif dan menyelesaikan masalah secara kreatif.
- ix. Sediakan murid-murid dengan pengalaman baru dalam hidupnya.
- x. Cari jalan untuk mengubah tingkahlaku yang membina, produktif berbanding menggunakan keadah kawalan.
- xi. Perhatikan kebolehan dan bakat murid-murid dan beri galakan terhadap kebolehan yang dimilikinya.

### **Bagaimana Orang Dewasa ‘Membunuh’ Kreativiti Kanak-kanak**

Orang dewasa sering melihat kanak-kanak dalam sudut yang sempit seperti beranggapan kanak-kanak hanya perlu mengikut arahan dan perintah orang dewasa. Kebebasan kanak-kanak menurut tanggapan mereka di bawah kawalan orang dewasa. Kawalan, hukuman, dan peraturan akan membantu kanak-kanak membesar dengan penuh disiplin. Sebenarnya, tanggapan yang seperti ini akan membunuh kreativiti kanak-kanak. Antara perkara-perkara yang orang dewasa lakukan tanpa disedari boleh membunuh kebolehan dan bakat kreatif kanak-kanak adalah:

- i. Mengarahkan agar kanak-kanak melakukan sesuatu dengan ‘cara yang betul dan tepat’.
- ii. Ajar kanak-kanak hanya terdapat satu cara atau satu jawapan yang betul.
- iii. Memaksa kanak-kanak bersikap realistik dan mematikan imaginasi kanak-kanak. Mematikan imaginasi kanak-kanak bererti kita membunuh kebolehan kreatif yang secara alaminya mereka miliki.
- iv. Melemahkan semangat ingin tahu kanak-kanak.
- v. Disiplin dan rutin yang ketat-keras.

Selain daripada faktor-faktor di atas, pakar-pakar psikologi berpendapat terdapat elemen-elemen lain yang boleh membunuh kreativiti kanak-kanak seperti:

- (i) Penilaian.
- (ii) Ganjaran.
- (iii) Persaingan/pertandingan.
- (iv) Pilihan yang terhad.

### **Pendidikan Prasekolah: Antara Pendidik Kreatif dan Pemurnian Kreativiti**

Literasi kreatif amat memerlukan pendidik kreatif. Pendidik kreatif merupakan teras pembudayaan literasi kreatif. Pendidik kreatif bukan setakat dapat mendidik dan

menyediakan suasana kreatif untuk para pelajarnya, tetapi juga ia harus memiliki sifat dan kebolehan kreatif. Leonard dan Karen (1996), menggambarkan pendidik yang kreatif sebagai:

*"Mempunyai komitmen yang tinggi dan komitmen ini akan menjanakan kebolehan kreatif dalam diri mereka. Komitmen seumpama ini juga akan membolehkan mereka memfokus seluruh tenaga kepada kerja mereka. Komitmen mereka ini melampaui gaji atau ganjaran yang diterima. Kepuasan daripada membantu pelajar-pelajar mereka mendorong serta membimbing guru-guru yang kreatif ini untuk mencari cara-cara yang menarik untuk membimbing pelajar-pelajar. Tidak puas dengan status quo. Dengan itu, mereka sentiasa mencari cara-cara yang lebih baik untuk menyampaikan pelajaran supaya pengajaran mereka lebih bermakna."*

Pendidik kreatif memainkan peranan yang amat penting sejak di alam prasekolah. Pada tahap prasekolah, kanak-kanak telah didedahkan dengan pelbagai elemen pembelajaran. Pada tahap ini, sifat dan sikap kanak-kanak untuk belajar tentang sesuatu yang belum diketahuinya sangat tinggi dan kesan terhadap pembelajaran pada ketika ini juga amat penting untuk kanak-kanak tersebut membina kekuatan dan kepintaran mindanya. Kajian-kajian yang dilakukan oleh Cropley (2003), Buzan (2002), dan Amabile (1989), menunjukkan bahawa kebolehan dan bakat kreativiti individu semakin berkurangan apabila usia meningkat. Hal ini berlaku, disebabkan oleh beberapa faktor seperti penekanan keterlaluan terhadap peperiksaan, suasana yang tidak kondusif untuk berkeaktiviti, tidak mendapat galakan daripada guru dan keluarga, konstrain budaya, dan pengaruh media massa. Jadual 2 di bawah menunjukkan data umur dan tingkat kreativiti manusia yang dimiliki mengikut tahap usia. Jadual 2 menunjukkan bahawa kebolehan manusia berkeaktiviti berbeza mengikut usia. Kebolehan kreatif amat tinggi pada zaman kanak-kanak iaitu memiliki 90 peratus kebolehan kreatif. Namun, setelah berusia remaja kebolehan kreatif seseorang itu menjunam sehingga 80 peratus iaitu kepada hanya 10 peratus. Setelah itu, kreativiti individu secara relatif menurun pada usia dewasa dan tua iaitu hanya dua peratus sahaja.

**Jadual 2: Umur dan Kreativiti**

Umur	% Kreativiti
40++	2%
35	2%
30	2%
17	10%
5	90%

Sumber: Ubahsuai daripada Dilip Mukerjea (2002)

Antara peribadi pendidik kreatif yang mampu untuk pemurnian kreativiti dalam dalam pendidikan prasekolah adalah seperti berikut (Amabile, 1989; de Bono, 1996; Leonard, 1996, Cropley, 2003, Ainon dan Abdullah (1997):

- Keupayaan untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran seperti:
  - Bercerita.
  - Main peranan.
  - Lawatan.
  - Peta minda.
  - Inkuiri/ingin tahu.
- Bersikap terbuka dan fleksibel dalam pengajaran dan pembelajaran seperti:
  - Sedia menerima idea-idea pelajar.
  - Mengalakkan pelajar menyoal.
  - Pemaaf.
  - Suka akan kepelbagaian dan kerencaman idea, bakat dan tingkahlaku pelajar.
  - Gemar melayan pertanyaan pelajar.
  - Maklumbalas verbal yang sesuai kepada pelajar dalam hubungan sosial dalam pelbagai peringkat situasi adalah seperti berikut:

*Bagaimana anda memperoleh idea untuk latihan ini?  
 Apa yang cuba anda lakukan...?  
 Mungkin, kamu boleh cantumkan....  
 Saya hendak tahu lebih lanjut tentang...  
 Wow! Anda telah gunakan idea yang paling hebat....  
 Anda memang berbakat dalam...*

- Humor dan kecindan dalam pengajaran dan pembelajaran.
- *Laissez faire*- terkawal.
- Tidak cepat-cepat menghukum.
- Tidak bias dan 'pilih bulu'.
- Suka memberi ganjaran dan pengajaran.
- Mampu mengenalpasti bakat dan kebolehan pelajar.
- Mengalakkan penilaian sendiri (*self evaluation*).

Kajian-kajian yang dibuat mendapati sikap pendidik yang berorientasikan kawalan memberi kesan yang signifikan terhadap motivasi intrinsik pelajar. Autonomi yang diberikan kepada para pelajar di dalam gerak kerja di dalam atau di luar kelas mampu meningkatkan motivasi dalaman, kurang tertekan, dan boleh menggunakan pembelajaran konseptual dengan lebih berkesan (Amabile, 1999).

Sistem pendidikan yang lebih terbuka telah mengalami perubahan sejak Montessori mengkritik sistem dan pendekatan pembelajaran di sekolah. Selepas itu kelompok '*Back to basic*' telah berusaha mengubah paradigma pendidikan yang lebih fleksibel dan bermakna. Dalam konteks ini, pendidikan seharusnya mampu memberi nilai tambah dan kefahaman terhadap pemurnian kreativiti dengan memberi tumpuan terhadap falsafah pengajaran yang mampu merangsang dan menggalakkan kreativiti di kalangan pelajar seperti berikut:



- (i) Pembelajaran sangat penting dan seharusnya menghiburkan.
- (ii) Kanak-kanak perlu dihormati dan disayangi sebagai individu yang unik.
- (iii) Kanak-kanak sepatutnya pelajar yang aktif. Mereka seharusnya digalakkan menyerlahkan minat, pengalaman, idea, dan materialnya untuk dibawa ke dalam pembelajaran. Mereka seharusnya dibenarkan untuk berunding tentang



kerja sekolahnya bersama guru dan berikan autonomi kepada mereka untuk membuat keputusan.

- (iv) Kanak-kanak sepatutnya berasa selesa dan kondusif di dalam kelas. Tekanan dan ketegangan seharusnya dinyahkan di dalam kelas.
- (v) Kanak-kanak juga seharusnya mempunyai rasa pemilikan (*ownership*) dan bangga dengan kelasnya. Mereka perlu didorong untuk terlibat dengan suasana kelas dan susun aturnya. Pendidik sepatutnya mengatakan “ini bukan kelas saya”; ini adalah kelas kita bersama!”.
- (vi) Pendidik ialah sumber bukan pegawai polis, pegawai penjara, atau Tuhan. Kanak-kanak harus dihormati dan mereka juga perlu berasa selesa ketika bersama dengan gurunya.
- (vii) Guru harus menyedari bahawa mereka adalah berbakat, berpengetahuan, dan bijak; namun guru bukanlah sempurna.
- (viii) Kanak-kanak seharusnya berasa selesa untuk berbincang masalah secara terbuka dengan guru dan rakan-rakan sebayanya.
- (ix) Kerjasama amat penting ke arah persaingan.
- (x) Pengalaman pembelajaran perlu hampir dengan pengalaman sebenar kanak-kanak.
- (xi) Kanak-kanak perlu memiliki ‘kuasa’ dan tanggungjawab di dalam kelas.

Justeru, model komponen kreativiti pendidikan prasekolah seperti dalam Rajah 1 dapat mengukuh dan memantapkan lagi pemurnian kreativiti dalam pendidikan prasekolah. Terdapat 4 komponen teras (superstruktur) pemurnian kreativiti ini dan disokong oleh 6 subkomponen (struktur) pemurnian kreativiti yang saling menyokong antara satu sama lain.



**Rajah 1:** Model Komponen Kreativiti Pendidikan Prasekolah

Sumber: Adaptasi daripada Urban dalam Cropley (2003)

Implikasi daripada para pendidik mengaplikasikan pemurnian kreatif yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja dapat membina motivasi, mengembangkan bakat, memperbaiki kesihatan mental, tetapi juga mengukuhkan esteem diri kanak-kanak agar dapat membesar dalam suasana yang ceria dan harmoni. Ini sekali gus dapat membina watak kanak-kanak yang memiliki keyakinan diri yang tinggi, berani melahirkan buah fikiran, bangga dengan idea sendiri, serta mampu untuk berdikari.

Oleh itu, apa yang lebih penting, semua pihak haruslah bekerjasama dan memiliki iltizam untuk melahirkan negara Malaysia yang kreatif dengan acuannya sendiri. Dalam sejarah dunia, pendidikan di mana-mana pun sejak dulu hingga pada zaman ini, pendidik adalah kelompok ilmuwan yang telah berjaya memainkan peranan dan tanggungjawab dalam mendidik masyarakat. Kejayaan ini disebabkan keupayaan pendidik mengubah paradigma, metod penyampaian, dan memiliki semangat kental untuk mendidik. Justeru, dalam konteks kertas kerja ini, sekali lagi peranan pendidik amat diperlukan dalam usaha melahirkan sebuah bangsa dan negara yang kreatif. Menurut Amabile (1989):

*“In reality, then teachers can't really teach creativity anymore than parents can. But teachers can allow creativity, nurture it, and stimulate its growth.”*

Paling signifikan untuk menyubur, memupuk dan merakyatkan literasi kreatif ini menurut Amabile (1989):

*“The most significant way in which educators can encourage creativity is to support intrinsic motivation.”*

## KESIMPULAN

Pemurnian kreativiti sangat penting sejak kanak-kanak prasekolah lagi. Hal ini kerana, setiap kanak-kanak memiliki kemampuan kreativiti yang semulajadi (Ainon dan Abdullah, 2003). Oleh itu, bakat dan kebolehan kreatif kanak-kanak mestilah dipupuk dan dibajai. Untuk mencapai matlamat tersebut, ia memerlukan usaha pelbagai pihak khususnya para pendidik penting untuk berperanan sebagai *'prime mover'* yang dapat menjadi katalis kepada transformasi pemikiran kreatif pada peringkat awal pendidikan. Kanak-kanak adalah aset dan masa depan kepada keluarga, agama, bangsa, dan negara. Hal ini kerana, selepas abad ke-21 menurut de Bono (1998), adalah *'creation edge'* seperti mana menurut beliau:

*“Creative thinking is rapidly growing in importance and will come to have as central a position as finance, raw materials, and people.”* (de Bono, 1996)

Hakikat yang harus kita terima adalah Malaysia masih jauh tertinggal dalam pelbagai bidang berbanding Amerika Syarikat, Britain, Jerman, mahupun Jepun. Malaysia tetap Malaysia; bagaimanapun wawasan kita adalah untuk setanding dengan negara-negara yang maju ini. Oleh itu, usaha-usaha mestilah digembleng untuk melahirkan bakat dan organisasi kreatif seperti mana yang dimiliki oleh Amerika Syarikat sejak 1900 yang lalu. Sebut siapa dan organisasi apa di dunia ini; Amerika

Syarikat akan mendahuluinya dalam pelbagai bidang. Oleh itu, Malaysia harus memiliki keberanian untuk berubah dan bekerja keras untuk menjadi sebuah negara kreatif seperti mana yang telah dilakukan oleh Jepun sejak zaman Meiji.

## **BIBLIOGRAFI**

- Abd. Rahim Abd. Rashid. 1999. *Kemahiran Berfikir Merentasi Kurikulum*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ahmad Zaharuddin Idrus (eds.). 2001. *Kecemerlangan Menerusi Kreativiti: Transformasi & Cabaran UTM*. Skudai: Penerbit UTM.
- Amabile, Teresa. 1989. *Growing Up Creative: Nurturing a Lifetime of Creativity*. New York: The Creative Education Foundation.
- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. 2003. *Mendorong Kreativiti Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Buzan, Tony. 2001. *The Power of Creative Intelligence*. London: Thorsons.
- Cropley, J. A. 2001. *Creativity in Education & Learning*. London: Kogan Page.
- De Bono, Edward. 1996. *Serious Creativity*. London: Harper Collins Business.
- Drucker F. Peter. 1985. *Innovation and Entrepreneurship*. London: Harper Business.
- Einon, Dorothy. 2002. *Creative Child. Recognize and Stimulate Your Child's Natural Talents*. London: Hamlyn.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1982. *Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kenneth Lyen et. al. (eds.) 1998. *The Education of Highly Creative People*. Singapore: Stamford Press Pte. Ltd.
- Leonard MS Yong. 1994. *Kreativiti: Ke Arah Pembentukan Masyarakat Kreatif*. Kuala Lumpur: Arenabuku Sdn. Bhd.
- Leonard MS Yong & Karen L. Biraimah. 1996. *Guru Kreatif: Isu-isu Teoritikal & Aplikasi Praktikal*. Kuala Lumpur: Arenabuku Sdn. Bhd.
- Mahathir Mohamad. 1991. "Malaysia Melangkah ke Hadapan". Kertas Kerja yang dikemukakan pada sidang pertama Majlis Perdagangan Malaysia yang berlangsung di Kuala Lumpur.
- Mohd. Azhar Abd. Hamid. 2001. *Pengenalan Pemikiran Kritis dan Kreatif*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia

\_\_\_\_\_. 2003. *Meningkatkan Daya Fikir*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors.

\_\_\_\_\_. 2003. *Kreativiti: Teori, Konsep & Praktis*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Azhar Abd. Hamid & Zainudin Hassan. 2003. "Pemantapan Literasi Kreatif sebagai Katalis pada Abad Inovasi" dalam *Prosiding LitCon*, pada 15-17 Ogos 2003 di Hotel Park Royal, Pulau Pinang.

Mohd. Azhar Abd. Hamid, Paimah Atoma, dan Muhamed Fauzi Othman. 2003. "Kreativiti dalam Organisasi: Implikasi terhadap Pembangunan Sumber Manusia" dalam *Prosiding SKPPSM*, pada 22 & 23 Oktober 2002 di Hotel Puteri Pan Pacific, Johor Bahru.

Norhashimah Hashim dan Yahya Che Lah. 2003. *Panduan Pendidikan Prasekolah*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Wayne Lotherington. 2003. *Flicking Creative Switch*. London: John Wiley & Sons Pte. Ltd.

Utusan Malaysia, 16 Mei 2003.